

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Murid-murid digalakkan untuk melawat _____ tempat-tempat bersejarah di Malaysia untuk menyemaikan perasaan cinta akan negara dalam diri mereka.
A di
B ke
C pada
D kepada
- 2 Peserta yang paling _____ sampai di garisan penamat akan diumumkan sebagai pemenang pertandingan larian bendang.
A cekap
B cerdas
C pantas
D kencang

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- 3 I Pelbagai cadangan dan pandangan yang *segar* untuk belajar dengan berkesannya diberikan oleh para peserta kem motivasi itu.
II Air sungai di belakang rumah nenek kelihatan *segar* hingga kami dapat melihat ikan-ikan yang sedang berenang.
III Pelbagai jenis pokok bunga yang ditanam oleh ibu di halaman rumah hidup dengan *segarnya* kerana dijaga dengan baik.
IV Peristiwa menyedihkan yang menimpa keluarganya pada lima tahun yang lalu masih *segar* dalam ingatannya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Masa depan industri muzik negara ini semakin *gelap* akibat daripada kecanggihan sistem digital.
II Disebabkan hari semakin *gelap*, mereka sukar mencari jalan keluar dari hutan itu.
III Kulit abang semakin *gelap* selepas beberapa bulan menjalani latihan ketenteraan.
IV Baju yang telah koyak itu digunakan oleh emak untuk membuat *gelap* meja.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Pasukan penyelamat berusaha untuk mengesan kumpulan remaja yang tersesat di dalam hutan berpandukan dengan maklumat yang diberikan oleh mereka.
- A berpandukan maklumat
 - B berpandukan oleh maklumat
 - C berpandukan kepada maklumat
 - D berpandukan dengan maklumat
- 6 Semasa menjalankan tugas rasmi, Encik Hafiz melaksanakan lain-lain tugas juga yang diarahkan oleh ketua jabatannya.
- A melaksanakan pelbagai tugas-tugas lain
 - B melaksanakan pelbagai tugas lain-lain
 - C melaksanakan tugas-tugas lain
 - D melaksanakan lain-lain tugas

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Adli berbasikal ke sekolah sejauh lima kilometer pada tiap hari.
II Pelbagai langkah telah diambil untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar di negara kita.
III Para peserta pertandingan berkayak itu menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi sepanjang pertandingan itu berlangsung.
IV Encik Kamarul sedang mempertimbangkan beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pembantunya untuk meningkatkan prestasi syarikat.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 8 I Peserta ekspedisi itu menemui barang-barang tinggalan di zaman pendudukan Jepun di kawasan perkhemahan itu.
II Murid yang tertinggi sekali di dalam kelas saya itu baru sahaja berpindah ke sekolah saya.
III Semua penghuni Taman Bakti hendaklah bekerjasama untuk membanteras wabak demam denggi.
IV Buah-buahan tempatan bukan sahaja enak malahan banyak khasiatnya.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 "Kamu hendaklah berjimat cermat ketika berbelanja untuk mengelakkan pembaziran," pesan Puan Maznah kepada anak-anaknya.
- A Anak-anak Puan Maznah mengelakkan pembaziran dengan berjimat cermat ketika berbelanja.
 - B Puan Maznah dan anak-anaknya berjimat cermat ketika berbelanja untuk mengelakkan pembaziran.
 - C Puan Maznah berpesan kepada anak-anaknya supaya berjimat cermat ketika berbelanja untuk mengelakkan pembaziran.
 - D Pesanan Puan Maznah supaya berjimat cermat ketika berbelanja untuk mengelakkan pembaziran sentiasa diingati oleh anak-anaknya.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Jasa Pak Long Samad yang sangat besar kepada penduduk kampung masih diingati oleh semua penduduk walaupun sudah sepuluh tahun beliau meninggal dunia.

Keadaan ini sesuai dengan peribahasa

- A tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.
- B di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
- C jika kerbau dipegang talinya, jika manusia dipegang mulutnya.
- D harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.